

07/09/1997

Beri pendedahan dasar kerajaan kepada ulama

ULAMA perlu diberi pendedahan dengan dasar kerajaan seperti penswastaan, penguasaan teknologi maklumat dan projek mega supaya golongan itu faham tujuan dasar itu dilaksanakan.

Wakil Badan Perhubungan Umno Kelantan, Mohd Alwi Che Ahmad, berkata pemimpin Umno dan kerajaan perlu menjalin hubungan akrab dengan ulama supaya umarak dan ulama dapat berjalan seiring dalam membangunkan negara.

"Kalau dulu orang korporat tidak rapat dengan kerajaan dan tidak faham konsep penswastaan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil daya usaha sendiri membimbing dan memberi pendedahan kepada mereka.

"Apa salahnya pendekatan yang sama dilakukan kepada ulama. Kita panggil ulama dan mufti mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) supaya mereka bersama-sama kita membangunkan negara.

"Begitu juga kalau ada rombongan dagang ke luar negara, bawalah seorang dua ulama supaya mereka mendapat pendedahan dan berasa dihargai. Apa salahnya ulama dan umarak berjalan seiring. Jika dibuat, kita akan menjadi satu pasukan yang mantap dan orang Umno Insya-Allah akan mencium bau syurga," katanya.

Beliau berkata, sikap melampau adalah antara penghalang kejayaan umat Islam dan orang Melayu. Sebaliknya, semua pihak harus melakukan pendekatan sederhana kerana cara itu dituntut Islam.

"Kerana sikap sederhana juga Barisan Nasional (BN) berjaya memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Semerak. Kita tahu, pihak tertentu di Kelantan bertanggungjawab menyemarakkan perpecahan orang Melayu di negara ini," katanya.

(END)